

## บทที่ 5

### FONEM SUPRASEGMENTAL

#### 5.1 บทนำ

Fonem suprasegmental yang juga disebut fonem suprapenggalan ialah ciri atau sifat bunyi yang menindahi atau menumpanginya sesuatu fonem. Maksudnya ciri suprasegmental hadir bersama-sama fonem penggalan dengan cara menumpanginya bunyi segmental. Fonem suprasegmental ini bukannya bunyi segmental atau bunyi penggalan tetapi ciri yang hadir bersama dengan cara menindahi atau menumpanginya bunyi penggalan. Fonem suprasegmental tersebut terdiri daripada tekanan, kepanjangan, jeda, tona dan intonasi.

#### 5.2 Tekanan

Tekanan ialah ciri lemah atau kerasnya suara penyebutan sesuatu suku kata. Tekanan biasanya berlaku pada suku kata dalam perkataan. Tekanan ditanda dengan tanda <sup>ˈ</sup>. Dalam bahasa Melayu, tekanan berlaku pada vokal. Bunyi vokal dalam bahasa Melayu disebut dengan lantang dan boleh dipanjangkan. Tekanan dalam perkataan bahasa Melayu lazimnya berlaku pada suku kata yang kedua seperti dalam perkataan ki ta, ba pa, sa tu dan Seumpamanya.

Dalam bahasa asing, misalnya bahasa Inggeris, tekanan boleh membezakan makna. Contohnya, perkataan *pro* <sup>ˈ</sup> *gress* bermaksud "memajukan" (kata kerja) dan

<sup>1</sup> *progress* bermaksud "kemajua" (kata nama). Begitu juga dengan perkataan <sup>1</sup> *export* yang tekanannya diletakkan pada awal suku kata membawa maksud "barang yang dieksportkan" (kata nama) sedangkan *ex* <sup>1</sup> *port* yang tekanannya dilakukan pada suku kata kedua membawa maksud "melakukan kerja eksport" (kata kerja). Begitulah seterusnya dengan perkataan *conduct*, *insult* dan seumpamanya boleh membawa maksud yang berbeza dalam bahasa Inggeris apabila dipakai tekanan pada suku kata yang berbeza.

### 5.3 Keganjangan

Keganjangan atau juga disebut panjang pendek bunyi merupakan ciri khusus yang terdapat pada perkataan dalam bahasa-bahasa tertentu. Ciri keganjangan atau panjang pendek ini boleh membezakan makna dalam bahasa-bahasa tertentu seperti bahasa Inggeris dan Arab tetapi tidak membezakan makna dalam bahasa Melayu.

Ciri panjang pendek ini ditanda dengan tanda titik yang dipanggil *mora*. Jika tanda mora itu satu titik . keganjangan bunyinya setengah mora ; dua titik : keganjangannya satu mora dan jika empat titik :: keganjangannya ialah dua mora. Dalam bahasa Inggeris, perbezaan makna terjadi apabila keganjangan digunakan. Contohnya, perkataan *sit* bermakna "duduk", dan *si:t* bermakna "tempat duduk", dan *ship* bermaknanya "kapal" dan *sh:p* bermakna "kambing biri-biri".

### 5.4 Jeda

Jeda yang juga disebut persendian ialah ciri atau unsur hentian (senyap) dalam ujuran sebagai tanda memisahkan unsur linguistik, iaitu perkataan, ayat atau rangkai

kata. Jeda atau persendian ini dilambangkan dengan tanda +. Dalam bahasa tertentu, khususnya bahasa Inggris, unsur jeda ini boleh membezakan makna. Misalnya, ujaran / *scream*, “saya menjerit” dan *ice-cream* “aiskrim” bunyi ujarannya sama dan sukar dibezakan maknanya sekiranya kita tidak membezakannya dengan jeda seperti yang berikut:

*I scream* / ai + skri:m / ”saya menjerit”

*Ice cream* / ais + kri:m / “aiskrim”

Dalam bahasa Melayu juga terdapat rangkai kata yang boleh mengelirukan makna sekiranya tidak dipakai tanda jeda, misalnya ujaran *belikantin* (belikan tin) dan *belikantin* (beli kantin). Bagi membezakan makna ujaran, rangkai kata itu perlu ditanda dengan tanda jeda seperti yang berikut:

*belikan + tin* “membelikan tin = tin yang dibeli”

*beli + kantin* “membeli kantin = kantin yang dibeli”

Sebenarnya jeda atau persendian merupakan unsur pembeza dalam bahasa. Jeda juga digunakan untuk membezakan makna ayat. Contoh ayat “Saya membaca buku kakak” boleh dibezakan maknanya dengan memakai jeda seperti yang berikut:

# Saya membaca buku kakak #

(Maksudnya saya membaca buku kepunyaan kakak)

# Saya membaca buku # kakak

(Maksudnya saya memberitahu kakak bahawa saya membaca buku)

# kami makan sate kambing #

(Maksudnya kami makan sate daging kambing)


#kami makan sate # kambing

(Maksudnya kami memberitahu kambing bahawa kami makan sate)

## 5.5 Tona

Tona merupakan naik atau turunnya suara dalam pengucapan perkataan. Banyak bahasa yang mempunyai tona dan tona ini membezakan makna seperti dalam bahasa Mandarin, bahasa Thai, bahasa Vietnam, bahasa Laos, bahasa Kampuchea dan lain-lain. Terdapat dua jenis tanda atau lambang yang berbeza digunakan untuk membezakan tinggi rendahnya bunyi satu-satu perkataan itu. Yang pertama memakai lambang tona mendatar, tona meninggi, tona turun-naik dan tona menurun seperti dalam contoh yang berikut:

Tona datar	ma -	"ibu"
Tona meninggi	ma /	"guni"
Tona turun-naik	ma v	"kuda"
Tona menurun	ma \	"marah"



Rajah 5.1: Kedudukan Tinggi-Rendah Suara (Sumber: Abdul Hamid Mahmood & Nurfarah Lo Abdullah, 2007:102)

Yang kedua memakai tanda nombor 1 hingga 4 untuk menunjukkan perbezaan tona seperti yang berikut:

Tona tinggi (sangat keras)	1
Tona sederhana tinggi (keras)	2
Tona rendah (lemah)	3
Tona sangat rendah (sangat lemah)	4

Walau bagaimanapun, sesetengah pengarang menggunakan tona 4 untuk tona tinggi (sangat keras), 3 untuk tona sederhana tinggi (keras), 2 untuk tona rendah (lemah) dan 1 untuk tona sangat rendah (sangat lemah).

## 5.6 Intonasi

Intonasi ialah turun naik nada suara dalam pengucapan ayat atau frasa. Intonasi juga disebut sebagai lagu bahasa. Dalam bahasa Melayu, terdapat berbagai-bagai intonasi atau lagu yang terdapat pada ayat. Misalnya, ayat berita mempunyai intonasi yang menurun pada akhir ayat. Ayat tanya pula mempunyai intonasi meninggi pada akhir ayat dan seumpamanya. Apabila kita bertutur, kita menggunakan ayat-ayat yang diucapkan secara bersambung-sambung. Ayat-ayat yang dituturkan itu turut menggunakan intonasi atau lagu bahasa yang berbeza-beza. Semua jenis ciri suprasegmental atau suprapenggalan, iaitu tekanan, kepanjangan, jeda dan tona secara kombinasi turut membentuk intonasi ayat, dan digunakan dalam pertuturan


Berikut diturunkan contoh-contoh intonasi pada ayat-ayat dalam bahasa Melayu, iaitu:

- (i) Intonasi ayat penyata
- (ii) Intonasi ayat tanya

- (iii) Intonasi ayat perintah
- (iv) Intonasi ayat terbalik atau songsang
- (v) Intonasi ayat pasif

**(i) Intonasi Pada Ayat Penyata Biasa**

Biasa Intonasi pada ayat penyata mempunyai pola intonasi 2-4-2-3 seperti dalam ayat yang berikut:



Frasa subjek *pelajar itu* ditandai dengan tingkat nada 2-4, manakala frasa predikat *pengawas* ditandai dengan tingkat 2-3. Pemisahan frasa subjek daripada predikat menjadi jelas disebabkan nada suara turun daripada tingkat 4 pada subjek *pelajar itu* ke tingkat nada 2, initu nada permulaan bagi frasa predikat *pengawas*. Tingkat nada 3 pada suku kata akhir menandakan selesainya pengucapan frasa predikat *pengawas*.

**(ii) Intonasi Pada Ayat Tanya**

Dalam bahasa Melayu, intonasi ayat tanya biasa ditandai dengan tingkat nada 2-4-3-4. Tingkat nada 3 pada suku kata akhir ayat naik semula ke nada 4 sebagai tanda selesainya pengucapan ayat. Contohnya:

2 Pelajar itu pengawas? 4 3 4

Intonasi ayat tanya seperti contoh di atas digunakan dalam bentuk pertanyaan kepada seorang pendengar untuk dijawab oleh pendengar berkenaan.

Ayat tanya dapat juga dibentuk dengan meletakkan partikel *-kah* pada bahagian predikat ayat. Dalam hal ini, oleh sebab predikat yang disertai partikel *-kah* dipentingkan, maka predikat dipindahkan ke bahagian hadapan ayat menjadi:

*Pengawaskah pelajar itu?*

Intonasi bagi ayat tanya di atas ditandai dengan tingkat nada 2-3-1-4 seperti dalam contoh yang berikut:

3 4  
 Pengawaskah pelajar itu?  
 2 1

**(iii) Intonasi Pada Ayat Perintah**

Dalam ayat perintah, bahagian predikat lebih dipentingkan berbanding bahagian subjek. Sebagai contoh, ayat *Pergi!* sebenarnya terbit daripada ayat *Awak pergi!* kata ganti nama diri kedua, iaitu *awak* digugurkan dan meninggalkan predikat *pergi*. Frasa predikat *pergi* dilafazkan dengan tingkat nada 2-3 seperti yang berikut:

3  
 Pergi!  
 2

Bagi melembutkan perintah dalam ayat perintah di atas, partikel *-lah* dapat disertakan bagi membentuk ayat:

*Pergilah.*

Intonasi ayat di atas ditandai dengan tingkat nada 2-3-1 seperti yang berikut:

3  
P e r g i l a h  
2 \_\_\_\_\_ 1

**(iv) Intonasi Pada Ayat Terbalik atau Ayat Songsang**

Ayat bahasa Melayu dalam bentuk susunan biasa ialah Sukjek+Predikat. Walau bagaimanapun, dalam percakapan atau pertuturan seharian, kerap berlaku susunan ayat yang berlawanan dengan pola biasa tersebut, iaitu bahagian predikat ayat mendahului bahagian subjek. Ayat yang mempunyai susunan sedemikian disebut ayat terbalik atau ayat songsang. Contoh:

Susunan biasa : Adik saya + pandai

Ayat songsang : Pandai + adik saya

Susunan biasa : Pelajar itu + pengawas

Ayat songsang : Pengawas + pelajar itu

Intonasi ayat penyata biasa seperti yang telah dijelaskan mempunyai tingkat nada 2-4-2-3 seperti yang berikut:

4  
2 A d i k s a y a p a n d a i 3  
2 \_\_\_\_\_




Apabila ayat tersebut disongsangkan, intonasinya bertukar menjadi 2-3-1, seperti yang berikut:



Begitu juga ayat-ayat di bawah:

#### Susunan biasa



#### Susunan songsang




Perhatikan bahawa dalam contoh ayat-ayat di atas, tingkat nada bagi bahagian predikat kekal pada tingkat 2-3. Tingkat nada berkenaan tidak berubah meskipun kedudukan predikat berubah ke hadapan ayat. Sebaliknya, yang berubah ialah tingkat nada pada bahagian subjek, iaitu menurun kepada tingkat 1.

Selain partikel-*kah*, *-lah* juga menandakan bahawa bahagian predikat diberi penekanan. Oleh sebab kedua-dua partikel ini berfungsi hanya sebagai tanda bahawa

bagian predikat ayat dipentingkan, maka nada untuk *-kah* dan *-lah* menurun kepada tingkat 1, bersama-sama keseluruhan subjek ayat berkenaan yang tidak lagi dipentingkan. Sila teliti contoh ayat yang mengandungi partikel *-kah*.

### Susunan biasa



### Susunan songsang




### (v) Intonasi Pada Ayat Pasif

Ayat pasif mempunyai intonasi yang sama seperti ayat aktif biasa, iaitu 2-4-2-3. Perhatikan contoh-contoh yang berikut:

#### Ayat Aktif



#### Ayat Pasif




Dalam ayat-ayat di atas, bahagian pertama yang mempunyai tingkat nada 2-4 merupakan subjek, manakala bahagian kedua yang mempunyai tingkat nada 2-3 pula merupakan bahagian predikat ayat.

Ayat tanya aktif biasa dan ayat tanya pasif biasa juga mempunyai tingkat nada 2-4 bagi bahagian subjek dan 2-3 bagi bahagian predikat seperti dalam contoh-contoh yang berikut:

#### Ayat Tanya Aktif Biasa



#### Ayat Tanya Pasif Biasa



Walau bagaimanapun, tingkat nada intonasi berbeza, jika ayat pasif berkenaan merupakan ayat pasif bagi orang pertama dan kedua. Lihat contoh-contoh yang berikut:

- (a) Saya membuka bungkusan itu.
- (b) Saya buka bungkusan itu.

Dalam contoh di atas, ayat (a) merupakan ayat aktif biasa, manakala ayat (b) merupakan ayat pasif songsang. Ayat (b) berasal daripada ayat:

(c) Bungkusannya saya buka.

Dalam ayat (c) di atas, bahagian predikat ayat ialah *saya buka*. Predikat sesuatu ayat mempunyai tingkat intonasi 2-3. Oleh hal yang demikian, intonasi bagi ayat (b) di atas adalah 2-3-1, seperti yang berikut:

#### Nada Intonasi Ayat (b)

$$\begin{array}{c}
 3 \\
 \text{Saya} \quad \text{buka} \quad \text{bungkusannya} \quad \text{itu} \\
 \text{2} \quad \text{1} \quad \text{2} \quad \text{3}
 \end{array}$$

Ayat (a) dan (c) pula mempunyai intonasi ayat penyata biasa, iaitu 2-4-2-3, seperti dalam contoh-contoh yang berikut:

#### Nada Intonasi Ayat (a)

$$\begin{array}{c}
 4 \\
 \text{Saya} \quad \text{membuka} \quad \text{bungkusannya} \quad \text{itu} \\
 \text{2} \quad \text{2} \quad \text{3}
 \end{array}$$

#### Nada Intonasi Ayat (c)

$$\begin{array}{c}
 4 \\
 \text{Bungkusannya} \quad \text{itu} \quad \text{saya} \quad \text{buka} \\
 \text{2} \quad \text{2} \quad \text{3}
 \end{array}$$

(vi) *Intonasi Pada Ayat yang Panjang*


Perlu diingat bahwa nada turun naiknya suara disesuaikan dengan unit-unit frasa. Oleh sebab itu, walau bagaimana panjang sekalipun sesuatu ayat, nada intonasinya tetap mempunyai pola yang sama. Dalam hal ini, fungsi intonasi adalah sebagai pemisah frasa-frasa dalam ayat, seperti dalam contoh yang berikut:

*Para pelajar itu menelaah pelajaran di perpustakaan.*


Ayat di atas boleh dibahagikan kepada tiga frasa intonasi utama, iaitu *frasa subjek*, *frasa predikat* dan *keterangan*. Seperti yang telah dijelaskan, pola intonasi bagi ayat biasa ialah 2-4-2-3. Oleh hal yang demikian, pola intonasi bagi ayat di atas, tanpa keterangan adalah seperti yang berikut:



Dalam contoh di atas, frasa *di perpustakaan* merupakan keterangan tambahan dan tidak begitu penting. Oleh yang demikian, nada yang diterimanya ialah nada 1. Maka intonasi bagi keseluruhan ayat tersebut ialah 2-4-3-1, seperti yang berikut:



Ayat di atas berkemungkinan diucapkan dengan nada 2-3 pada bahagian frasa tambahan yang menjadi keterangan sekiranya frasa tambahan itu dipentingkan dan perlu ditegaskan seperti yang berikut:



## บทสรุป

Secara keseluruhan, fonem suprasegmental terdiri daripada tekanan, kepanjangan, jeda, tona dan intonasi. Tekanan ialah ciri lemah atau kerasnya suara penyebutan sesuatu suku kata. Tekanan biasanya berlaku pada suku kata dalam perkataan. Tekanan ditanda dengan tanda ' '. Dalam bahasa Melayu, tekanan berlaku pada vokal. Kepanjangan atau juga disebut panjang pendek bunyi pula merupakan ciri khusus yang terdapat pada perkataan dalam bahasa-bahasa tertentu. Ciri kepanjangan atau panjang pendek ini boleh membezakan makna dalam bahasa-bahasa tertentu. Seterusnya jeda, jeda yang juga disebut persendian ialah ciri atau unsur hentian (senyap) dalam ujaran sebagai tanda memisahkan unsur linguistik, iaitu perkataan, ayat atau rangkaian kata. Jeda atau persendian ini dilambangkan dengan tanda '+'. Kemudiannya, tona merupakan naik atau turunnya suara dalam pengucapan perkataan. Banyak bahasa yang mempunyai tona dan tona ini membezakan makna. Yang terakhir iaitu intonasi turun naik nada suara dalam pengucapan ayat atau frasa. Intonasi juga disebut sebagai lagu bahasa.